

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP
PENGERUSI ASEAN COOPERATIVE
ALLIANCE (ACO)**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG KALI KE – 12 PERSATUAN**

PETANQUE NEGERI SELANGOR (BARU)
8 OKTOBER 2023 / 9.30 PAGI
WISMA UNGKU A. AZIZ

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum W.B.T., Salam
Sejahtera,
Salam Perpaduan dan Salam koperasi,

Salutasi oleh penganjur

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian

1. Alhamdulillah setinggi – tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat ALLAH Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia dan izinNya kita semua pada hari ini bagi melaksanakan **MESYUARAT AGUNG KALI KE – 12**

PERSATUAN PETANQUE NEGERI SELANGOR (BARU)

2. Ucapan penghargaan tanda terima kasih dipanjangkan kepada Presiden Persatuan Petanque Negeri Selangor (Baru), YBhg. Ts Haji Hasrolnizam Bin Shaari atas kesudian menjemput saya

bagi merasmikan mesyuarat agung pada hari ini.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

3. Permainan Petanque ini amat dekat dengan ANGKASA dan juga warga koperasi. Sebagai sukan yang menjadi acara tahunan ANGKASA, ianya sentiasa dinantikan oleh warga koperasi seluruh negara.

4. Kejohanan petanque peringkat negeri dan kebangsaan yang dianjurkan oleh ANGKASA menarik minat warga koperasi untuk melakukan aktiviti sihat melalui bersukan dan pada masa yang sama dapat mencungkil bakat-bakat

baru yang dapat diserapkan sebagai

pelapis atlit di peringkat negara.

5. Seperti yang kita sedia maklum sukan bukan sahaja dapat mengekalkan kesihatan fizikal malah dapat membina kekuatan mental seperti mengawal emosi, fokus, menyusun strategi dan membina semangat berpasukan. Ini antara perkara yang amat penting untuk diterapkan dalam pengurusan mana – mana organisasi.

6. Kita juga dapat melihat bagaimana kekuatan mental dapat mempengaruhi prestasi dalam permainan, sementara ketahanan fizikal tetap menjadi faktor penting.

Semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan peserta juga

membantu dalam membentuk pemikiran yang terbuka dan kemampuan beradaptasi dalam pelbagai situasi.

7. Sukan petanque juga mampu untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum melalui aktiviti sukan. Ini akan melahirkan generasi yang berdaya saing dan mampu bekerja melangkaui batas kaum, agama dan

bangsa dalam mencapai matlamat sosiekonomi secara bersama. Kebersamaan merupakan nadi kepada kejayaan negara kita dalam pelbagai sektor.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian

8. Saya yakin Persatuan Petanque Negeri

Selangor mampu untuk menaikkan darjat permainan petanque dan lebih dikenali oleh rakyat Malaysia. Lebih banyak promosi perlu diketengahkan supaya generasi masa kini lebih terdedah dengan permainan ini dan semoga ianya menjadi salah satu sukan yang dapat didominasi oleh rakyat Malaysia Insyallah.

9. Akhir kata, semoga mesyuarat pada

hari ini mencapai kata sepakat dalam usaha memajukan sukan petanque sekaligus menaikkan lagi industri sukan di negara ini.

- 10.** Dengan lafaz bismillahirrahmani rahim, saya merasmikan **MESYUARAT AGUNG KALI KE – 12 PERSATUAN PETANQUE NEGERI SELANGOR (BARU)**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.